



Merchantrade Insure Xtra

Lembaran Pendedahan Produk

Nota Penting

- Sila baca Lembaran Pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli **Merchantrade Insure Xtra**. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.
- Anda dinasihatkan untuk memahami jadual manfaat untuk Kematian dan Hilang Upaya dalam polisi insurans anda. Anda harus memberi penama dan pastikan penama anda tahu tentang polisi yang telah anda beli. Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan pengantara insurans anda atau hubungi terus kami untuk keterangan lanjut.
- Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini (atau semasa permohonan insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatkan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini (atau semasa permohonan insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan ini (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

1. Apakah produk ini?

Polisi ini menawarkan elaun tunai harian jika orang yang diinsuranskan dimasukkan ke hospital sebagai pesakit dalam untuk rawatan akibat kemalangan atau jika kemasukan hospital orang yang diinsuranskan adalah disebabkan penyakit/jangkitan yang dilindungi. Polisi ini juga menawarkan elaun hilang upaya sementara untuk setiap selang 5 hari, jika dalam tempoh insurans, orang yang diinsuranskan hilang upaya sepenuhnya atau secara berterusan akibat kecederaan yang disebabkan oleh kemalangan atau penyakit/jangkitan yang dilindungi. Polisi ini menyediakan 24 jam perlindungan di seluruh dunia kepada Pihak Diinsuranskan untuk kecederaan anggota badan yang disebabkan oleh kemalangan yang mengakibatkan kematian dan hilang upaya secara langsung dan bebas dari sebarang sebab lain dalam tempoh dua belas bulan kalendar.

Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan polisi anda setiap tahun. Sila rujuk kepada polisi untuk butiran penuh.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:-

Manfaat		Had	Jumlah Diinsuranskan
SEKSYEN A KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN			
Manfaat A1	Kematian Akibat Kemalangan	Setiap Dewasa	RM9,000
SECTION B HILANG UPAYA KEKAL AKIBAT KEMALANGAN			
Manfaat B1	Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan (seperti Skala Manfaat Hilang Upaya Kekal)	Setiap Dewasa	RM9,000
SEKSYEN C ELAUN HOSPITAL & ELAUN HILANG UPAYA SEMENTARA (Maksimum Setiap Tahun)			
Had Bergabung Maksimum Tahunan untuk Seksyen C		RM2,000	
Manfaat C1	Elaun Hospital- sehingga empat puluh (40) hari	Setiap Dewasa Setiap 24 Jam Yang Lengkap	RM50
Manfaat C2	Elaun Hilang Upaya Sementara - sehingga seratus (100) hari	Setiap Dewasa Setiap 5 Hari Yang Lengkap	RM100
SEKSYEN D MANFAAT TAMBAHAN (Setiap Hilang Upaya)			
Manfaat D1	Elaun Pengebumian	Setiap Dewasa	RM2,000
Manfaat D2	Bayaran Ambulans Tempatan	Setiap Dewasa	RM1,000
Manfaat D3	Prostesis	Setiap Dewasa	RM1,000

Skala Manfaat Hilang Upaya Kekal:-

Skala Pampasan	Peratus Jumlah Diinsuranskan
Hilang Upaya Menyeluruh Kekal	100%
Lumpuh menyeluruh (dari leher ke bawah)	100%
Kehilangan atau Kehilangan Fungsi satu atau kedua-dua tangan	100%
Kehilangan atau Kehilangan Fungsi satu atau kedua-dua kaki	100%
Kehilangan atau Kehilangan Fungsi satu atau kedua-dua mata	100%

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Premium yang anda perlu bayar ialah Ringgit Malaysia Satu Ratus dan Dua Puluh (RM120) setahun. Premium adalah tidak terjamin dan kami berhak untuk mengubah premium semasa pembaharuan polisi.

4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

Komisen dibayar kepada pengantara insurans - 15% daripada premium.

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- Kepentingan pendedahan – anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau patut tahu seperti kegiatan peribadi anda yang boleh memberikan kesan ke atas profil risiko. Anda perlulah memastikan borang cadangan diisi dengan tepat kerana ia membentuk asas kepada kontrak insurans.
- Tunai sebelum Perlindungan – Premium penuh mesti dibayar kepada kami atau ejen sah kami sebelum tarikh berkuatkuasanya polisi ini
- Had Umur – Lapan belas (18) tahun sehingga enam puluh lima (65) tahun, pembaharuan dibenarkan sehingga umur tujuh puluh lima (75) tahun.
- Anda mempunyai tempoh bertenang selama lima belas (15) hari kalender daripada tarikh polisi berkuatkuasa untuk menyemak kesesuaian polisi anda. Anda boleh membatalkan polisi tersebut dan mendapatkan balik bayaran penuh semasa tempoh bertenang ini.
- Tempoh menunggu – Kelayakan untuk manfaat di bawah polisi hanya akan bermula enam puluh (60) hari selepas tarikh berkuat kuasa polisi kecuali untuk kecederaan akibat kemalangan.
- Tuntutan – Sekiranya berlaku kemalangan yang menimbulkan tuntutan, anda hendaklah memberitahu kami dengan serta-merta dalam kes kematian atau dalam masa dua puluh satu (21) hari dari kejadian dalam kes kecederaan anggota badan yang disebabkan oleh kemalangan atau dalam kes penyakit/jangkitan.
- Fasal Had Sekatan – Tiada syarikat insurans atau reinsurans boleh dianggap memberi perlindungan dan tiada syarikat insurans atau reinsurans bertanggungjawab membayar sebarang tuntutan atau memberi sebarang manfaat di bawah polisi ini sekiranya peruntukan perlindungan, pembayaran tuntutan atau peruntukan manfaat tersebut akan mendedahkan syarikat insurans atau reinsurans kepada mana-mana sekatan, larangan atau batasan di bawah resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC), undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom, Amerika Syarikat atau Malaysia.

Nota : Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh bagi terma dan syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi perkara berikut:

- Sebarang keadaan perubatan atau fizikal yang timbul dalam tempoh enam puluh (60) hari pertama perlindungan atau tarikh pengembalian semula perlindungan pihak diinsuranskan yang mana kemudian kecuali kecederaan akibat kemalangan.
- Sebarang tindakan melanggar undang undang, sengaja mendedahkan diri kepada bahaya, membunuh diri, kecederaan diri yang disengajakan
- Jangkitan Virus Kurang Daya Melawan Penyakit (HIV) dan/atau sebarang penyakit berkaitan dengan HIV termasuk AIDS dan/atau sebarang derivatif mutasi atau variasinya
- Intoksikasi dadah
- Kehamilan, kelahiran anak atau keguguran
- Penyertaan dalam sukan merbahaya seperti sukan musim sejuk, ‘pot-holing’, sukan selam, ski, polo hoki, ‘steeple chasing’, pemburuan ‘big game’ atau pemburuan, perlumbaan selain daripada perlumbaan menggunakan kaki;
- Penerbangan selain daripada penerbangan sebagai penumpang di dalam kapal terbang berlesen untuk membawa penumpang
- Peperangan, pencerobohan, pemberontakan dan keganasan
- Perkhidmatan tetap atau sementara dalam pertahanan awam, tentera udara, tentera laut, tentera darat atau polis

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi dengan memberikan kami notis secara bertulis. Pembatalan tersebut akan berkuat kuasa pada hari pertama bulan berikutnya selepas hari penerimaan pemberitahuan. Kami akan memulangkan premium yang diterima untuk bulan berikutnya dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat semasa tahun polisi semasa.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Anda perlu memaklumkan kepada kami secara bertulis tentang sebarang perubahan mengenai kontrak/maklumat peribadi anda. Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan dalam butiran hubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.



9. Dari manakah boleh saya dapatkan maklumat yang lebih terperinci?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Pusat Perkhidmatan Pelanggan
AXA Affin General Insurance Berhad (23820-W)
Ground Floor, Wisma Boustead,
71 Jalan Raja Chulan,
50200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: (603) 2170 8282
Faks: (603) 2031 7282
E-Mel: customer.service@axa.com.my
Laman web: www.axa.com.my

Ejen berdaftar:
Merchantrade Asia Sdn Bhd
Suite 1632, 16th Floor, Lobby 7
Block A, Damansara Intan
No.1 Jalan SS 20/27
47400, Petaling Jaya, Selangor.
Tel: (603) 7727 8606
Faks: (603) 7727 4606
Laman web: www.mtradeasia.com

10. Apakah jenis perlindungan Insurans lain yang ditawarkan?

Sila rujuk kepada cawangan dan ejen kami untuk jenis perlindungan yang serupa.

